



**PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

ARAS 11, 12C, 15, 16, 17, 18, 19 DAN 27

MENARA DATO' ONN

PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR (WTCKL)

NO. 45, JALAN TUN ISMAIL

50530 KUALA LUMPUR



Telefon : 03 - 4051 6000  
Faks : 03 - 4047 6142  
E-mel : [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)  
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-1/4/1 ( 47 )

Tarikh : 23 Disember 2024

**Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus  
Penyedia Latihan Berdaftar dengan PTPK**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN LATIHAN  
KEMAHIRAN DI BAWAH SKIM PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN ISLAMIK (PLK-i),  
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran dan Agihan, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bil. 11 Tahun 2024 yang bersidang pada 21 Oktober 2024 telah bersetuju dengan penambahbaikan syarat-syarat pembiayaan latihan kemahiran di bawah Dana Latihan TVET yang diuruskan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang melibatkan perkara-perkara seperti yang berikut;

**2.1 Pemberian Kos Sara Hidup (KSH)**

- (i) Kenaikan Kos Sara Hidup bulanan sehingga RM800 sebulan bagi pelatih yang mengikuti latihan kemahiran di Penyedia Latihan Swasta.
- (ii) Pemberian KSH bagi pelatih yang mengikuti latihan kemahiran di Penyedia Latihan Awam dikekalkan (RM400 sebulan).
- (iii) Kadar Kos Sara Hidup ini adalah pilihan dan pelatih boleh memilih pada kadar RM400, RM600, RM800 atau tidak memerlukan KSH tersebut.

**2.2 Perluasaan program latihan kemahiran dalam pemberian elaun komputer**

- (i) Pemberian Elaun Komputer sebanyak RM2,500 dipanjangkan bagi pelatih yang mengikuti kursus **Ukur Tanah dan Geomatik (BC-060-3:2013)**.
- (ii) Tawaran pemberian elaun adalah kepada pelatih yang belum menerima tawaran ini sahaja.
- (iii) Permohonan Elaun Komputer boleh dibuat semasa pendaftaran pinjaman latihan kemahiran secara dalam talian bermula 2hb. Januari, 2025.

**PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN LATIHAN  
KEMAHIRAN DI BAWAH SKIM PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN ISLAMIK (PLK-i),  
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

---

**2.3 Pengasingan elemen takaful daripada yuran latihan**

- (i) Takaful/Insurans pinjaman adalah merupakan amaun yang dikenakan ke atas pelatih bagi melindungi pinjaman pelatih sehingga tamat tempoh bayaran balik pinjaman.
- (ii) Takaful/insurans yang dikenakan adalah bergantung kepada faktor jumlah pinjaman yang diluluskan, umur pelatih, jantina dan tempoh perlindungan.
- (iii) Jumlah insurans yang dikenakan akan ditambah daripada jumlah pinjaman yang diluluskan kepada pelatih.


3. Sila ambil perhatian supaya pihak YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan mematuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh PTPK berdasarkan kepada Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) PTPK. Sehubungan itu, sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi pegawai saya iaitu Encik Ahmad Zamir bin Ahmad Zawawi menerusi talian 013-229 7107.

4. Segala perhatian dan kerjasama yang YBhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan berikan berhubung perkara ni amatlah dihargai dan diucapkan dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Pekerja Kesuma Bangsa"***

Saya yang menandatangani amanah,



**(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)**

Pengarah Kanan  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia